

Ogos  
2021

Dipranci Keseharian

**PKNP**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknp.gov.my](http://www.pknp.gov.my)

## PKNP RAKAM UCAPAN TAHNIAH KEPADA YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB YANG DILANTIK SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA KE - 9

KUANTAN, 21 Ogos - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob di atas pelantikan sebagai YAB. Perdana Menteri Malaysia yang ke - 9.

Semoga di bawah pentadbiran YAB. Perdana Menteri yang baharu, Malaysia akan terus kekal berdaya saing, makmur dan aman sentiasa.



## SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE - 64

KUANTAN, 31 Ogos - Pendeta Za'ba telah mencirikan konsep merdeka sebagai perubahan daripada segala perbuatan dan kepercayaan yang bodoh, mematikan akal dan menyekat kemajuan kepada perbuatan dan kepercayaan yang cerdik, membebaskan fikiran dan menggalakkan kemajuan.

Tambah beliau, kemerdekaan yang sebenar adalah kemerdekaan minda dan jiwa yang dipupuk melalui pembinaan jati diri yang dibentuk oleh empat aspek utama iaitu agama, bahasa, pendidikan dan sikap.

Setelah lebih enam dasawarsa merdeka, Malaysia telah mengecapi nikmat kemajuan dan kemakmuran yang boleh dibanggakan. Walaupun ada ketikanya kita diuji

dengan peluru-peluru yang menggegar dinding perpaduan, negara ini tetap utuh dan terus pesat membangun.

Nikmat kemerdekaan tidak boleh dipandang enteng. Melihat kehancuran negara moden tersungkur di ajah negara lain, bumi ini tidak sesekali mahu merasa duka yang sama.

Maka dengan berdiri teguh kita di atas nama kemerdekaan, marilah kita bersama-sama memelihara keamanan dan kemakmuran ini.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!



## Selamat Menyambut HARI KEMERDEKAAN

Yang Ke - 64

31 Ogos 2021 bersamaan 22 Muharam 1443H

Ikhlas Daripada

Pengerusi,  
Ahli Perbadanan, Pengurusan  
dan Warga Kerja Kumpulan PKNP

BCCI RT PASPRTB RPSB RTSB



## **PKNP TANDATANGAN PERJANJIAN PAJAKAN BERSAMA PKNP KPOWER SURIA SDN BHD**



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar bersama-sama Pengarah Projek, Encik Mohd Farish bin Ahmad setelah menandatangani perjanjian pajakan

KUANTAN, 18 Ogos - Satu sesi menandatangani perjanjian pajakan di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan PKNP KPower Suria Sdn Bhd berlangsung secara ringkas petang ini dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Pada masa yang sama, satu perjanjian pemegang saham di antara RT Development & Engineering Sdn Bhd dan KPower Berhad turut ditandatangani bagi projek ladang solar berskala besar, LSS4@mentari di atas tanah PKNP seluas 260,763 ekar di Pekan, Pahang Darul Makmur.

PKNP diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Faizal bin Jaafar manakala KPower Berhad dan PKNP KPower Suria Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Encik Mustakim bin Mat Nun dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Encik Amirul Afif bin Abdul Aziz.

Turut hadir secara bersemuka adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Pengurus Khidmat Perundangan, Puan Salwa binti Abdul Rahman.

Turut hadir secara dalam talian adalah Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.



Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun menandatangani perjanjian di Bilik Mawar, Kompleks Teruntum

## **MAJLIS BACAAN YASIN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP BERSAMA WARGA KERJA PKNP**

KUANTAN, 13 Ogos - Seramai hampir 100 Warga Kerja Kumpulan PKNP bersama-sama dengan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyertai program bacaan yasin secara atas talian yang diketuai oleh Ustaz Ahmad Yasser bin Dato' Mohd Najid pada 12 Ogos 2021.


Program ini diadakan bagi memohon kerahmatan, kesejahteraan, keselamatan dan perlindungan kepada Allah S.W.T daripada wabak Covid -19 serta meraikan kedatangan tahun baru 1443 Hijrah. Tidak dilupa juga, program ini diadakan semoga semua urusan PKNP dipermudahkan.

Sementara itu, Encik Mohd Faizal dalam ucapannya menasihatkan warga kerja kumpulan PKNP untuk sentiasa menjaga kesihatan diri dan mengambil langkah segera jika diri dan ahli keluarga menunjukkan simptom dijangkiti wabak Covid -19.

Malah beliau menambah sebelum bulan September 2021, semua warga kerja kumpulan PKNP akan mendapat 2 dos vaksin lengkap.

Program ini turut disempurnakan dengan solat hajat di kediaman masing-masing serta bacaan tahlil bagi anggota pekerja yang sedang sakit dan bekas anggota pekerja yang telah meninggal dunia.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Setiausaha Perbadanan, Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Pengurus - Pengurus Bahagian & Unit dan Pengurus- Pengurus Anak Syarikat Kumpulan PKNP.



Majlis Bacaan Yasin kali kedua diadakan sebagai salah satu medium menyatukan Warga Kerja PKNP

# MESYUARAT EXCO GEMAPUTERA KALI KE 3/ 2021



KUANTAN, 30 Ogos - Mesyuarat Exco Gemaputera Bilangan ke-3 bagi tahun 2021 telah diadakan secara dalam talian dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua Gemaputera, Haji Wan Adnan bin Wan Derahman dari Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT).

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) diwakili oleh Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim.

## MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG 2021

KUANTAN, 23 Ogos - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar turut hadir secara dalam talian ke Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pahang pada petang ini.

Majlis ini dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan program diadakan di perkarangan kompleks Majlis Bandaraya Kuantan (MBK).

Dato' Wan Rosdy dipetik berkata, bagi menghargai nikmat kemerdekaan, pelbagai aktiviti berbentuk patriotisme seperti program kempen kibar jalur gemilang pada petang ini perlu dilaksanakan.

Kempen seperti ini adalah bagi menyemai rasa cinta kepada negara tanpa mengira bangsa dan negara.

Turut hadir adalah YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, YH. Datuk Bandar Kuantan, Dato' Hamdan bin Hussin dan Exco - Exco Kerajaan Pahang.

Warga Kerja PKNP turut sama menyertai program yang dipancarkan secara langsung melalui laman media sosial Facebook rasmi Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Penerangan Negeri Pahang dan Pahang Media.



مجلس قنطرة كيغون كبار جالور غميلانج

## MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG 2021

PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKHRU

OLEH

YAB. MENTERI BESAR PAHANG  
DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

SSAP, SUMW, DEAP, DIMP, SMP, AMP,



23 OGOS 2021 (ISNIN) 3.00 PETANG

Ikuti Siaran Langsung di



KERAJAAN NEGERI PAHANG

PAHANG MEDIA

JABATAN PENERANGAN PAHANG

LINDUNGI DIRI, LINDUNGI SEMUA. #MalaysiaPrihatin #HHHH2021 #DemiNegara #MenangBersama #LindungiDiriLindungiSemua  
#Pahang1st #MajuTerusPahang

[Jabatan Penerangan Pahang](#) [JapenPngTV](#) [JapenPng](#) [JapenPng](#)

## KOMPLEKS TERUNTUM

LOT PEJABAT KEDAI UNTUK DISEWA

Untuk maklumat lanjut:

09 5658 587 / 590

[www.pknpgov.my](http://www.pknpgov.my)

### KEMUDAHAN ASAS

- Bank
- Lif
- Tempat Letak Kereta Yang Luas
- Sistem Penyaman Udara Berpusat
- Pengawal Keselamatan
- Kedai Makan
- Kedai Serbaneka
- Tempat Letak Kereta Yang Luas
- Sistem Penyaman Udara Berpusat
- Pengawal Keselamatan

HARGA BERMULA  
**RM2**

KAKI PERSEGI!

### PEMANDANGAN YANG CANTIK



KUANTAN



Lot 11.03

Lot 10.07

Lot 9.04

## PROMOSI TANAH KOSONG ASTANA GOLF

**PKNP**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG



### LOKASI STRATEGIK



Dalam Kawasan Mahkota Golf and Country Club



5KM daripada Bandar Kuantan




2KM daripada Kuantan Medical Centre & UIA Medical Centre



2KM daripada Pasaraya Pantai Selamat & Tunas Manja

### UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

09-565 8592/593 | [www.pknpgov.my](http://www.pknpgov.my)



Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)

## SALAM MAAL HIJRAH BERSAMAAN 1 MUHARAM 1443 HIJRAH



*Awal*  
**MUHARAM**

10 Ogos 2021 bersamaan 1 Muharam 1443H

KUANTAN, 8 Ogos - Maal Hijrah disambut pada 1 Muharam yang menandakan bermulanya tahun baru dalam kalender Islam, Hijrah.

Dinamakan awal Muharam kerana Muharram adalah bulan pertama dalam kalender Islam. Muharam bermaksud diharamkan iaitu Allah S.W.T melarang melakukan perperangan dan pertumpahan darah.

Sempena hadirnya tahun baru, marilah kita bersama-sama merenung kembali diri, bermuhasabah perjalanan hidup kita setahun yang lalu dan merancang perjalanan ke depan semoga kita semua berada dalam rahmat Allah s.w.t.

Hijrah itu adalah sebuah perjalanan membaiki diri sendiri.

Selamat Menyambut Maal Hijrah 1443 Hijrah

### *Tidang Redaksi*

PENAUNG / PENASIHAT  
Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

#### GRAFIK

Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

#### JURUFOTO

Encik Saiful Azli bin Yahia  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman